

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
**DARIPADA : DATUK WIRA HAJAH MAS ERMIEYATI
BINTI SAMSUDIN [MASJID TANAH]**

SOALAN NO. 261

minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan perbincangan antara Kementerian Pendidikan dan Suruhanjaya Tinggi Australia di Malaysia berhubung modul pengajaran Bahasa Inggeris di peringkat pra-sekolah.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Program Early Learning Languages Australia (ELLA) yang digunakan di Australia merupakan program digital berdasarkan permainan (*play-based*) dengan aplikasi interaktif bertujuan menarik minat murid untuk belajar bahasa Inggeris. ELLA telah disediakan dalam bahasa Arab, Mandarin, Perancis, Indonesia, Itali, Jepun dan Sepanyol. Program ini boleh digunakan secara atas talian atau tanpa talian dan menggunakan peranti mudah alih seperti *Apple iPad* (generasi kelima dan keenam), *Apple iPad Mini 4*, *Lenovo Tab 4*, *Samsung Galaxy Tab*, *Apple iPad Air 2 Wifi*, *Apple iPad Mini 4*, *Lenovo Tab 3* dan seumpamanya.

Berdasarkan perbincangan yang diadakan antara KPM dengan Suruhanjaya Tinggi Australia dan pakar daripada Education Services Australia (ESA), ELLA akan diterjemah ke bahasa Inggeris untuk dirintis di prasekolah di Malaysia. Pelaksanaan rintis program digital tersebut dicadangkan untuk dilaksanakan di 20 prasekolah KPM pada tahun 2020.